



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT MAJLIS SOSIAL NEGARA BILANGAN 3 TAHUN 2019

YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sosial Negara yang ketiga pada 2 Disember 2019. Majlis Sosial Negara (MSN) ditubuhkan sebagai jentera pelaksana Dasar Sosial Negara yang merupakan dasar payung merangkumi falsafah dan pelbagai dasar pembangunan sosial negara.

Pada mesyuarat MSN kali ini, YAB Timbalan Perdana Menteri menyentuh mengenai inisiatif dan program yang dilaksanakan oleh kerajaan iaitu pengubalan Rang Undang-Undang Gangguan Seksual; memperkenalkan Program Rintis Diversion sebagai pendekatan alternatif untuk mengendalikan pesalah kanak-kanak tanpa melalui sistem keadilan sedia ada; merangka Standard Operating Procedure (SOP) khususnya berhubung mekanisme untuk mengesan atau menghalang kemasukan pesalah seksual daripada memasuki Negara; serta penyediaan Pelan Strategi Kebangsaan Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur bagi menangani punca-punca perkahwinan bawah umur di peringkat akar umbi. Kerajaan turut memperkenalkan pelantikan Pesuruhjaya Kanak-kanak sebagai langkah pembaharuan di dalam melindungi hak dan menjamin kesejahteraan kanak-kanak.

Kerajaan juga sedang menggubal Rang Undang-undang Warga Emas serta melaksanakan kajian bagi penjagaan warga emas sebagai salah satu usaha kerajaan bagi persiapan ke arah negara tua menjelang 2030. Bagi golongan Orang Kurang Upaya, satu kajian mengenai peluang pekerjaan OKU merangkumi pekerjaan formal dan tidak formal di sektor awam serta sektor swasta, yang memberikan maklumat yang penting dari segi kesediaan majikan dan tahap keupayaan OKU turut sedang dilaksanakan.

YAB Timbalan Perdana Menteri turut menyentuh tentang isu dan permasalahan berkaitan sekolah tahfiz di negara yang perlu diberi perhatian segera. Isu tadbir urus, perundangan, pendaftaran, pemantauan, keselamatan pelajar, kualiti pengajar serta silibus pendidikan perlu diselaraskan dan ini akan melibatkan pelbagai pihak.

Majlis pada hari ini telah bersetuju dengan tiga (3) kertas pertimbangan:

- i. Masalah Kesihatan Mental dalam Kalangan Masyarakat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
- ii. Strategi Menangani Masalah Mental di Kalangan Murid Sekolah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM); dan
- iii. Pelan Perancangan Bersepadu Penambahbaikan Penyertaan OKU Dalam Perkhidmatan Awam oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Majlis juga mengambil maklum dan bersetuju dengan empat (4) kertas makluman yang telah dibentangkan:

- i. Memperkasa Penempatan Pekerjaan OKU dalam Sektor Swasta oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM);
- ii. Perancangan Jangka Panjang bagi Menangani Gejala Sosial Dalam Kalangan Belia dan Langkah-langkah Mengatasinya oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS);
- iii. Program Sayangi Komuniti oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN); dan
- iv. Kajian Mengarusperdanakan Gender oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Majlis kali ini telah bersetuju dengan keputusan seperti berikut:

- i. Program Intervensi Berfokus Minda Sihat (ProMIND) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan mensasarkan pelajar-pelajar berlatar belakang keluarga yang berisiko;
- ii. Kerjasama serta komitmen semua Kementerian, Jabatan dan Agensi adalah diperlukan dalam memenuhi pencapaian pengisian 1% peluang

pekerjaan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam Perkhidmatan Awam; di samping itu kesesuaian Pekeliling Perkhidmatan sedia ada mengenai dasar pencapaian 1% peluang pekerjaan kepada OKU perlu dilihat semula supaya lebih berkesan; dan

- iii. Remaja-remaja yang berisiko dan yang berada di kumpulan B40 akan lebih diberi perhatian untuk menyertai program intervensi yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Dalam hal ini, YAB Dato' Seri memberi penekanan terhadap kerjasama bersepadu di antara semua pihak termasuk kementerian/jabatan/agensi Kerajaan, pihak swasta, NGO, ahli akademik dan penglibatan setiap anggota masyarakat dalam menangani isu sosial di Malaysia.

###

Disediakan oleh:

Urus Setia Majlis Sosial Negara

Bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

2 Disember 2019